

Malaysia-Korea Selatan sepakat tingkat kerjasama

PUTRAJAYA 13 Mac - Malaysia dan Korea Selatan sepakat meningkatkan hubungan dan kerjasama dua hala melalui pemeteraian perjanjian persefahaman dalam pelbagai bidang.

Komitmen itu disuarakan oleh Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Presiden Korea Selatan, Moon Jae-in dalam sidang akhbar bersama selepas kedua-dua negara memeterai perjanjian persefahaman itu.

Dr. Mahathir berkata, bidang kerjasama itu termasuk pengangkutan, pembangunan bandar pintar di Malaysia, industri halal dan industri berkaitan Revolusi Perindustrian Keempat (RI 4.0).

"Kita berharap keempat-empat memorandum persefahaman (MoU) yang ditandatangani hari ini dapat mempertingkatkan perdagangan kedua-dua negara.

"Terdapat banyak bidang untuk kerjasama sekali gus memberi kesinambungan kepada Dasar Pandang Ke Timur," katanya selepas pertemuan empat mata dengan Jae-in di Bangunan Perdana Putra di sini hari ini.

Jelas Dr. Mahathir, menerusi kerjasama itu, Malaysia bersetuju untuk menghantar pelajar ke Korea Selatan dalam bidang ke-



DR. MAHATHIR MOHAMAD bersama Moon Jae-in semasa menerima kunjungan Presiden Korea Selatan itu di Perdana Putra, Putrajaya, semalam. Presiden Jae-in tiba di Kuala Lumpur, semalam untuk melakukan lawatan rasmi tiga hari di negara ini. - BERNAMA

juruteraan, teknologi maklumat (IT) dan teknologi-teknologi baharu, agar Malaysia dapat bergerak selaras dengan kemajuan republik itu ketika ini.

"Korea mula dengan pembuatan kenderaan untuk perindustrian mereka, kini lihat di mana mereka. Malaysia juga bermula dengan pembuatan kenderaan tetapi tidak seperti itu," katanya.

Beliau turut menzahirkan harapan agar keadaan di Semenanjung Korea stabil hasil daripada perjanjian antara Amerika syarikat dan Korea Utara.

Dalam pada itu, Jae-in berkata, Korea Selatan berminat untuk terlibat dalam industri halal termasuk hal ehwal persijilan serta penyelidikan berkaitan.

Beliau juga menyatakan komit-

men negaranya bekerjasama dalam bidang keselamatan siber sebagai sokongan terhadap status Malaysia yang akan menjadi tuan rumah Persidangan Ekonomi Asia Pasific (APEC) pada tahun depan.

Jae-in turut memuji kemakmuran yang dicapai Malaysia dan peranan negara dalam memupuk kestabilan di rantau ASEAN diterajui Dr. Mahathir.